

TERENANG: KHAZANAH TEMBIKAR PAHANG

Mohd Zamani Mohd Nor Peah
IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan
zact73@gmail.com

Muhammad Nubli Abdul Wahab
Universiti Malaysia Pahang
nubli@ump.edu.my

Zahirah Harun
UiTM Seri Iskandar
cintazahira@gmail.com

ABSTRAK

Terenang merupakan antara produk tembikar tradisional tempatan di Semenanjung Malaysia selain daripada Labu Sayong dan tembikar Mambong. Kegiatan penghasilan Terenang berpusat di Kampung Pasir Durian dan Temin Kraf di daerah Jerantut, Pahang. Seiring dengan kemajuan hari ini, pembuatan tembikar tradisional juga mengalami perubahan dari sudut penggunaan teknologi seperti yang berlaku pada penghasilan Labu Sayong di Perak. Penggunaan teknologi moden dalam proses pembuatan sangat membantu dalam melestarikan kegiatan ini daripada pupus dalam arus kemajuan. Namun persoalannya adakah kegiatan penghasilan tembikar Terenang turut sama menggunakan teknologi moden di dalam proses pengeluaran. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang merakam secara deskriptif melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen ke atas proses penghasilan Terenang di Temin Kraf. Data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan mengkategorikan ia berdasarkan tema-tema yang telah dikenal pasti. Dapatan kajian menunjukkan terdapat penggunaan teknologi moden pada kegiatan pembuatan tembikar tradisional Terenang. Ini dapat diperhatikan pada proses bahan utama, proses pembuatan, proses dekorasi, dan kaedah pembakaran. Usaha Temin Kraf yang memanfaatkan penggunaan teknologi moden merupakan satu langkah yang membawa kegiatan ini ke satu tahap baharu yang dapat mempelbagaikan jenis dan reka bentuk Terenang serta menambahkan jumlah pengeluaran yang dapat dilakukan dengan segera. Bagaimanapun kajian ini menyarankan perlunya suatu usaha yang proaktif dan drastik diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa warisan ini akan terus dilestarikan untuk dihayati oleh generasi akan datang.

Kata kunci: warisan, tembikar, Terenang, teknologi, kraf

PENDAHULUAN

Tembikar merupakan satu hasil kraf tangan yang telah bermula sejak zaman berzaman dan hingga kini keberadaan tembikar masih boleh dikenal pasti di beberapa tempat di Malaysia. Ibrahim dan Sahaimi (2005), menyatakan Perak, Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak masih terdapat perusahaan penghasilan tembikar manakala di Perlis (Kampung Kechor), Pulau Pinang (Sungai Dua) dan Kedah (Alor Merah) perusahaan ini telah pun pupus. Pembuatan tembikar

tradisional masih berterusan di Semenanjung Malaysia, terutama di Kuala Tembeling, Pahang, Kampung Mambong, Kelantan, Sayong, dan Pulau Tiga, Perak (Zainal dan Oskar Hasdianor, 2006). Di antara ketiga-tiga lokasi yang dinyatakan Perak merupakan pengeluar tembikar tradisional yang paling aktif dengan penggiat yang paling ramai. Ini boleh diperhatikan pada penyertaan untuk setiap Hari Kraf Kebangsaan yang sentiasa mendapat sokongan dari pengusaha-pengusaha tembikar dari negeri Perak. Dalam konteks tembikar tradisional Melayu, perusahaan tembikar di negeri Perak dilihat lebih menonjol berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Ham Rabeah (2007) menyatakan secara tradisinya di dalam masyarakat Melayu, tembikar biasanya merupakan kerja wanita yang akan dilakukan apabila urusan harian telah selesai atau selepas sahaja musim menuai disudahkan dan ketika sawah belum siap dibajak. Tembikar Melayu kebiasaannya berbentuk bulat di bahagian bawah bertujuan untuk menampung air. Ia unik kerana terdapat dekorasi geometri yang diterap atau ukiran kayu yang diukir. Reka bentuk dan reka corak yang terdapat pada setiap tembikar tradisional mempamerkan keunikan penciptaan pandai tukang Melayu. Penghasilan tembikar asalnya sekadar aktiviti menghabiskan masa lapang tukang-tukang wanita dengan menguli dan menempa labu, buyung atau geluk (Siti Zainon, 1985). Terdapat pelbagai bentuk dan jenis tembikar yang dihasilkan dan kebanyakannya mempunyai ciri-ciri untuk tujuan kegunaan harian. Barangan tembikar tradisional yang dihasilkan di setiap negeri dalam Malaysia boleh dibezakan setiap satunya melalui reka corak, reka bentuk atau warnanya. Ini kerana setiap negeri mempunyai teknik pembuatan tersendiri yang dipengaruhi oleh budaya dan latar belakang si pembuat. Terdapat pelbagai jenis tembikar yang dihasilkan secara turun menurun antaranya buyung, jambangan, geluk, labu dan bekas perasapan.

Salwa (2008) menyatakan tembikar merupakan anugerah alam yang terjelma seiring dengan ketamadunan serta perkembangan dan keperluan kehidupan manusia sejagat. Labu Sayong, tembikar Mambong dan Terenang adalah tembikar tradisional Melayu yang masih wujud di Semenanjung Malaysia. Terenang merupakan ikon tembikar tradisional untuk negeri Pahang.

TEMBIKAR TERENANG

Di negeri Pahang Darul Makmur, Terenang merupakan salah satu produk tembikar Tembeling selain daripada belanga, bekas perasapan dan tempayan. Tembikar Tembeling yang dihasilkan oleh pandai tanah di Kampung Pasir Durian terdiri daripada enam jenis produk iaitu Terenang, belanga, tempat bara atau perasapan, periuk tanah, bekas pembakar kuih dan buah delima Zahirah, (2016). Dapatan kajian oleh Salwa (2011) pula menyenaraikan labu, belanga, perasapan, kendi, periuk air, periuk nasi dan Terenang sebagai produk Tembikar Tembeling. Bagaimanapun kajian awal oleh Mokhtar (1979) menjelaskan terdapat enam jenis produk yang dikeluarkan oleh penggiat di Kampung Pasir Durian semasa diuruskan oleh Koperasi Industri Kampung iaitu Terenang Tanah dalam saiz besar dan kecil, belanga Tembeling, periuk tanah, labu air dan bekas habuk rokok. Perbezaan sedikit nama jenis produk adalah kerana sumber kajian Zahirah adalah berdasarkan dapatan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan.

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan Terenang sebagai sejenis kendi air yang bertutup dibuat daripada tanah liat. Peribahasa Melayu ada mengatakan “Hendaklah seperti tembikar, pecah satu pecah semuanya” yang bermaksud hendaklah hidup dalam muafakat; senang sama-sama senang, susah sama-sama susah. Kita dapat membuat kesimpulan bahawa tembikar memainkan peranan yang penting dalam kehidupan orang Melayu pada masa lampau sehingga ia digunakan sebagai perlambangan dalam peribahasa. Tun Seri Lanang dalam Sulalatus Salatin (1612) menyatakan:

“Barang maklumlah Duli yang Dipertuan, inilah banyak bilangan harta hamba sahaya patik itu yang disuratkan tiga hari tiga malam, pertama-tama harta patik itu talam tiada berbibir lagi pasu satu, dan bokor pecah atas Terenang Pahang. Sumbing satu, dan pinggan retak China satu, dan mangkuk retak satu, dan piring karang satu, dan periuk tembaga satu putus bibirnya, dan belanga Keling tembaga satu; dan budak tiga orang-seorang si Berkat namanya, berkayuh di buritan, lagi membawa pedang; Selamat seorang namanya, duduk menimba ruang, lagi membawa epok, lagi membawa pengudat.”

Pernyataan ini menunjukkan bahawa tembikar merupakan barang dagangan utama yang dibawa dalam proses urus niaga para pedagang. Di samping itu, Tun Seri Lanang juga turut menyentuh mengenai kewujudan Terenang Pahang sebagai salah satu peralatan yang telah digunakan oleh orang Melayu sejak sekian lama.

Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan Terenang sebagai sejenis kendi air yang bertutup dan dibuat daripada tanah liat. Tembikar tradisional Terenang dihasilkan daripada tanah liat dan dihiasi dengan motif-motif tradisional tempatan untuk menyerlahkan identiti tempat asal pembuatannya dan mempunyai bentuknya tersendiri. Ia berfungsi untuk kegunaan perubatan tradisional seperti upacara jampi serapah bagi mengisi air mawar asli sebagai ubat penawar dan mengangkut serta menyimpan air. Jika Terenang yang telah digunakan dikeringkan dengan meletakkannya di atas para dipercayai air yang dimasukkan ke dalamnya akan sentiasa sejuk dan berbau wangi.

Terenang wujud kerana sifatnya yang Terenang-renang atau timbul di atas permukaan air sewaktu berlaku banjir besar di Kuala Tembeling. Asal usul nama Terenang juga dipercayai wujud berdasarkan adat dan budaya masyarakat di Kuala Tembeling. Tembikar Terenang sering digunakan dalam upacara merisik dan meminang sebagai adat sebelum melangsungkan perkahwinan. Nama Terenang dipercayai diperoleh daripada kata nama tunang, apabila rombongan dihantar untuk merisik si gadis mendapati cincin yang hendak dijadikan sebagai tanda tiada bekas yang sesuai untuk diletakkan. Kebetulan ketika itu memang telah diperbuatkan sebuah tembikar atau Terenang yang pada asalnya hendak dijadikan sebagai bekas perasap dan tempayan. Bekas tersebut kemudian dijadikan bekas untuk meletakkan cincin pertunangan tersebut. Pada zaman dahulu tembikar Terenang digunakan sebagai bekas cincin untuk upacara merisik dan bertunang. Maka bermula dari peristiwa tersebut tembikar di situ digelar sebagai Terenang.

KEGIATAN PENGHASILAN TEMBIKAR TRADISIONAL TERENANG DI KAMPUNG PASIR DURIAN

Kegiatan tembikar tradisional Pahang telah dikenal pasti wujud hanya di daerah Jerantut iaitu di Kampung Pasir Durian yang terletak di tepi Sungai Tembeling. Kegiatan penghasilan tembikar Tembeling bermula di Kampung Pasir Durian yang terletak di persisiran Sungai Tembeling Jerantut, Pahang iaitu berada di tebing kanan mudik Kuala Tembeling. Perjalanan jalan darat ke kampung ini memakan masa sekitar 45 minit iaitu kira-kira 37 km dari bandar Jerantut. Jalan ini melalui FELDA Padang Piol yang menghubungkan Taman Negara. Ia boleh juga dilawati dengan menaiki bot melalui Kuala Tembeling yang akan memakan masa kira-kira 15 minit. Kampung-kampung yang terdapat di sekitar Kampung Pasir Durian ialah Kampung Pasir Tambang, Kampung Merting, Kampung Cebong dan Kampung Jong Berlabuh. Kampung-kampung ini pada masa dahulu ada menghasilkan tembikar secara individu dengan menggunakan tanah liat yang diperoleh dari Kampung Pasir Durian. Asal-usul nama Kampung Pasir Durian, menurut Haji Abdul Rahman b. Khatib Dollah, bekas ketua kampung tersebut, pada zaman dahulu di tebing sungai kampung ini terdapat banyak pokok durian. Setiap orang yang menghilir atau mudik akan berhenti mengambil buah durian yang jatuh di atas pasir sungai, hingga akhirnya terkenal tempat persinggahan itu dengan Kampung Pasir Durian. Kampung ini terkenal dengan perusahaan tanah liat Tembeling pada suatu masa dahulu.

Pada tahun 1919, pihak British telah merizabkan tanah seluas 2.4 hektar (6 ekar) dan ianya dinamakan 'tanah miskin'. Bentuk sempadan tanah itu bersegi lima. Kawasan ini dikenali dengan nama Sungai Periuk kerana terdapat sungai berhampiran dan nama periuk pula berdasarkan kegiatan penduduk kampung yang membuat belanga. Ia terletak kira-kira 3.25 dari kampung ini. Tanah di kawasan rizab ini dipercayai mengandungi sejenis tanah liat yang paling sesuai untuk membuat Terenang, periuk, belanga Tembeling. Sebelum tanah kawasan ini dirizabkan ianya telah digunakan semenjak turun temurun. Di atas tanah ini dibiarkan tumbuh anak-anak pokok dengan meliar. Ianya amat berguna bagi melindungi bumi dari cahaya matahari dan mengelakkan daripada proses hakisan. Namun begitu banjir pada tahun 1926 (banjir merah), 1931 dan 1970 telah banyak mengubah struktur dan keadaan kandungan tanah.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah memilih Kampung Pasir Durian bagi menubuhkan sebuah industri kampung memandangkan kemahiran membuat tanah liat di kampung ini begitu terkenal serta mempunyai potensi untuk berkembang. Untuk tujuan itu satu peruntukan khas telah diberikan. Penubuhan koperasi dan bengkel tanah liat telah diusahakan oleh Pejabat Daerah Jerantut, Kemas, Jabatan Pembangunan Koperasi dan Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia cawangan negeri Pahang yang terletak di Songsang, Temerloh. Oleh itu ia dikenali dengan nama Projek Koperasi Industri Kampung Pasir Durian. Untuk tujuan itu sebuah bengkel telah dibina di atas tanah bilik mantan ketua kampung, Tuan Haji Abdul Rahman bin Khatib Dollah. Bengkel ini mendapat bantuan mesin daripada Kementerian Negara dan Luar Bandar melalui Kemas iaitu mesin membentuk, mesin pusing kuasa tangan dan mesin pusing kuasa kaki. Selain dari itu bengkel ini juga dibekalkan dengan dapur, jana kuasa elektrik dan almari. Bangunan bengkel dibina dengan harga RM12,963.00. Sebahagian kos peralatan yang didahulukan di atas ditanggung oleh pihak koperasi. Di bawah projek ini para penghasil tembikar sekitar Kampung Pasir Durian disatukan di bawah satu pengurusan. Langkah ini antaranya akan memudahkan pemasaran barangan serta mendapat

keuntungan yang lebih. Ketika di awal penubuhannya terdapat 43 orang ahli, 11 orang ahli jawatankuasa dan seorang pengurus.

Pada 5 April 1985, koperasi ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad. Barangan yang dihasilkan ialah Terenang besar, Terenang kecil, belanga, periuk, buyung dan bekas habuk rokok yang dipasarkan di Rumah Karyaneka Pahang di Kuala Lumpur dan Karyaneka Negeri di Kuantan, Balai Seni Visual Negara, tempahan-tempahan tempatan, pelancong-pelancong dan permintaan individu. Walau bagaimanapun koperasi ini didapati sudah tidak lagi beroperasi disebabkan oleh faktor seperti tiada kesediaan dalam kalangan penggiat untuk berubah terutamanya daripada segi penggunaan teknologi pembuatan terkini dengan penggunaan peralatan moden, penambahbaikan ragam hias serta tatacara perniagaan yang lebih sistematik. Selain itu, faktor fungsi tembikar yang terhad kepada pengguna berbanding alatan moden yang diperbuat daripada plastik turut menyumbang kepada kemerosotan penghasilan tembikar ini. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan sikap para penggiat lebih selesa dengan kaedah tradisional dan tiada usaha untuk membuat penyelidikan pembangunan dalam produk tembikar yang mereka buat.

Pada tahun 1929 hingga tahun 1939 telah ada beberapa tokoh yang bergiat menghasilkan tembikar Tembeling iaitu Selamah bt Haji Busu, Mee bt Haji Aman, Siti Hajar bt Hj Aman dan Awang Mat Yassin bin Wok. Hasil kerja tangan yang sudah disiapkan akan dibawa oleh Khatib Dollah bin Haji Mat Sen, Talib bin Ibrahim, Wan Sulaiman bin Wan Kotil dengan menggunakan rakit buluh dari Kuala Tembeling ke pekan-pekan sehari di Pulau Tawar, Kerdu, Temerloh, Durian Tawar, Kertau, Chenor sehinggalah sampai ke daerah Pekan yang memakan masa 10 hingga 18 hari. Harga setiap tembikar ialah di antara 50 sen hingga RM 2.50 sen atau menggunakan sistem barter iaitu dengan membuat pertukaran barang-barang keperluan tertentu. Melalui kajian Salwa (2008) telah mengenal pasti enam orang penggiat yang menghasilkan tembikar Tembeling iaitu Puan Noriah bt Mohd Ali, Puan Jinah bt Hj Ahmad, Jamilah bt Md Lui, Puan Hamidah@Kamariah bt Talib, Puan Mas Salamah bt Hj Salleh dan Puan Mas Kalsom bt Hj Salleh. Dapatan kajian ini hampir sama dengan dapatan oleh Zahirah (2016) tetapi didapati pada akhir tahun 2015 atau awal 2016 penggiat terakhir Hajah Noriah binti Mohd Ali akhirnya telah bersara sepenuhnya atas faktor usia dan kesihatan yang tidak mengizinkan.

Bagi pembuatan tembikar Tembeling, Hajah Manja Ali telah dilantik sebagai Adiguru Kraf Tembikar Tembeling dalam bidang ini pada tahun 1991. Beliau juga merupakan Tokoh Kraf Negeri Pahang yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Kraf tangan Malaysia Cawangan Pahang pada tahun 1990. Hajah Manja Ali dilahirkan pada tahun 1921 di Kampung Kenerak, Kuala Tembeling, Pahang. Kemahiran membuat tembikar ini diwarisi daripada kedua orang tuanya. Beliau berpindah ke Kampung Pasir Durian setelah mendirikan rumahtangga dan meneruskan kegiatan membuat tembikar. Kepakaran Hajah Manja dapat dilihat pada kemampuannya menerapkan motif-motif tersendiri yang menjadi identiti pada belanga dan Terenang yang beliau hasilkan. Motif-motif yang sering beliau gunakan ialah tapak pelanduk, pucuk rebung, bulan sabit, bunga pecah empat, bunga samba dan motif dongdek.

Selepas Hajah Manja terdapat seorang lagi Adiguru dalam penghasilan Tembikar Tembeling iaitu Noriah binti Mohd Ali yang dilahirkan di Kampung Pasir Durian pada 19 Oktober 1934. Beliau mewarisi kemahiran pembuatan tembikar Tembeling daripada ibu

mertuanya, Sepian binti Mat Amin. Kraftangan Malaysia telah melantik beliau sebagai Adiguru Kraf Tembikar Tembeling pada tahun 2006. Beliau berkemahiran menghasilkan tembikar seperti Terenang, belanga, pasu dan bekas buah dalam pelbagai bentuk, saiz dan jenis berdasarkan permintaan pembeli. Oleh kerana kemahiran yang tinggi dalam penghasilan Tembikar Tembeling menyebabkan beliau sering diundang untuk mengadakan demonstrasi dan mendapat tempahan daripada jabatan kerajaan, muzium-muzium dan penduduk sekitar negeri Pahang. Beliau juga sering menerima lawatan daripada pengunjung dari dalam atau luar negara ke bengkelnya. Antara motif-motif yang sering digunakan Hajah Noriah untuk menghiasi permukaan tembikar ialah seperti Bunga Sambar, Tampuk Manggis, Tapak Pelanduk, Tapak Itik, Pucuk Rebung, Bunga Kelopak, Belalang Cucuk, Bunga Pecah Empat dan Bunga Kipas menggunakan cop motif kayu bunga yang dihasilkan sendiri.

Kemahiran membuat tembikar Tembeling terutamanya Terenang menyebabkan mereka sering menerima jemputan demonstrasi dan tempahan dari pelbagai pihak. Bagaimanapun Hajah Manja Ali sudah lama meninggal dunia dan Puan Noriah pula sudah tidak begitu aktif menghasilkan tembikar Terenang kerana faktor usia. Walau bagaimanapun, usaha-usaha kedua-dua tokoh telah diteruskan oleh pihak Temin Kraf dalam usaha memelihara kemahiran dan kesenian pembuatan tembikar Terenang melalui pelbagai latihan dan demonstrasi Terenang dan tembikar Tembeling.

Proses penyediaan Terenang secara tradisional mempunyai istilah khas bagi aktiviti-aktiviti dalam pembuatan Terenang seperti mencanai, menempa, mengecap, mengokot dan mengesek. Proses ini bermula dengan penggalian tanah hinggalah jasad Terenang terhasil seperti berikut :

Menggali dan Penyediaan Tanah Liat

Tanah liat yang digunakan untuk menghasilkan Terenang diambil dari kawasan tanah yang telah dikhaskan Berbeza dari tanah liat Sayong dan Mambong, tanah di kawasan ini perlu digali terlebih dahulu untuk mencari tanah liat yang liut sifatnya dan mempunyai keplastikan yang tinggi yang bermaksud mempunyai daya keliutan yang tinggi. Sebelum mengambil tanah liat di kawasan 'tanah miskin' tersebut, ada beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi terutamanya kepada penggali tanah liat yang pertama kali pergi ke hutan tersebut. Orang pertama memasuki kawasan tanah liat tersebut mestilah memakai *ulan* lalu dililit ke sekiling pinggang, di tangan dan di leher. Ulan yang dimaksudkan itu ialah sejenis pokok menjalar yang tumbuh meliar di sekitar kawasan tersebut. Mengikut kepercayaan penduduk kampung, pantang ini harus diikuti supaya pengambil tanah tadi tidak tersesat, diganggu 'penjaga' atau 'penunggu hutan'. Ritual ini dikatakan diwarisi dari penduduk kaum orang asli yang dikatakan mempunyai kaitan dengan pembuatan tembikar di Tembeling. Mengambil tanah liat juga mengikut kesesuaian hari tertentu sahaja. Tanah liat akan diambil pada hari Ahad dan Khamis secara bergotong royong. Tanah liat yang didapati nanti sangat sesuai dibuat tembikar. Jika digali pada hari Rabu, dipercayai barangan tembikar yang dihasilkan kelak akan pecah. Wanita yang di dalam keadaan haid tidak dibenarkan menggali tanah liat. Di percayai ini boleh merosakkan tembikar kelak seperti retak dan mudah pecah. Kentut juga di larang semasa menggali tanah liat. Ini di kkuatiri tembikar akan pecah semasa dibakar. Amalan ini telah lama dilakukan oleh pembuat tembikar di sini mengikut tradisi nenek moyang mereka.

Kualiti tanah liat yang baik apabila dicangkul akan kelihatan berkilat dan melekat pada mata cangkul. Selain itu juga jika mata penggali tanah yang di panggil ‘cok’ tercucuk pada tanah liat dan apabila di tarik ke atas, ia akan melekat dan menarik cok tersebut. Selain itu ia juga melekat di jari apabila di picit. Tanah yang baik berwarna kekuningan dan berpasir yang digelar ‘*tanah pamah rambai*’ serta ada juga tanah yang berwarna hitam. Ada juga penggiat yang tidak lagi mengikut pantang larang sepenuhnya. Pencarian dimulakan dengan membaca Bismillahirrahmanirrahim dan Surah Al Fatimah dan memberi salam kepada Awang Leleh untuk mengambil tanah liat.

Lubang digali sedalam satu hingga dua meter seperti menggali perigi untuk mendapatkan tanah liat yang baik. Tanah yang digali di masukkan ke dalam ‘ambong’ iaitu sejenis bakul anyaman buluh. Selain penggunaan ambong tanah juga dimasukkan ke dalam guni plastik dan ditarik ke atas menggunakan tali. Kini oleh kerana pandai tanah sudah semakin berusia, mereka mengupah sahaja penduduk untuk mengambil tanah dengan upah lima belas ringgit seguni. Tanah di kawasan ini berwarna kuning kecoklatan, apabila dibakar ia akan berwarna perang kekuningan. Namun ada juga yang mendakwa dahulunya tembikar ini dihasilkan menggunakan tanah liat hitam. Ini terbukti dengan adanya koleksi terenang di Muzium Taiping di Perak, Muzium Sultan Abu Bakar Pekan dan Muzium Johor serta koleksi simpanan peribadi penggiat. Selain menggunakan tanah liat yang berwarna hitam, tembikar hitam juga boleh diperoleh kayu api yang membakar tembikar tersebut lembab. Apabila kayu api lembab, ia akan menghasilkan jelaga yang menyebabkan badan tembikar yang sedang dibakar itu menjadi hitam yang dikenali sebagai ‘bakar hitam’.

Proses Pembentukan

Bagi pandai tanah di Kampung Pasir Durian, mereka tidak menggunakan kuantiti yang tetap untuk membentuk sebuah Terenang. Mereka juga tidak pernah menimbang tanah liat untuk menentukan saiz tembikar yang dihasilkan. Pengalaman dan kemahiran pandai tanah itu sendiri yang menentukan kuantiti tanah liat yang digunakan. Bagi penggiat, perbuatan menimbang tanah liat itu tidak sopan. Begitulah nilai dan falsafah pembuat tembikar ini yang amat menghormati bahan yang digunakan dan ini menambahkan lagi nilai keindahan kerohanian tembikar yang dihasilkan.

Tanah liat yang telah diuli di bentuk bulat dan ditepuk-tepuk di tapak tangan untuk dimampatkan. Tanah diletakkan di tengah-tengah pemusing dan di alas dengan papan lapis nipis untuk memudahkan mengalihkannya dari papan pemusing kelak. Di bahagian tengah tanah liat ditekan dengan ibu jari membentuk lubang dan perlahan-lahan tanah ditolak ke belakang membentuk dinding. Tolakan ibu jari untuk membentuk dinding tembikar mestilah seragam supaya tekanan ibu jari itu tidak merosakkan dinding tembikar. Untuk mendapatkan bentuk bahagian dalam, tanah ditekan dan ditolak ke belakang menggunakan ibu jari sambil pemusing digerakkan perlahan. Ia dilakukan berulang kali sehinggalah dinding belanga sekata tebalnya. Kemahiran dan sensitiviti tekanan dari tolakan ibu jari akan menentukan saiz tembikar. Jika ia ditolak dengan kuat, tanah liat akan cepat mengembang dan pecah. Maka ia perlu dilakukan dengan perlahan supaya tanah liat dapat mengering pada masa yang sama dan mengekalkan

bentuknya. Bahagian dasar tidak ditekan terlalu kuat dan dibiarkan sedikit tebal untuk proses seterusnya.

Untuk menyambung terus badan Terenang, satu lingkaran tanah liat dibuat dan di sambung di bahagian atas asas Terenang dan di picit leper. Ia kemudiannya diratakan dengan jari yang lembap untuk mencantumkan tanah liat bahagian asas dan tanah yang baru disambungkan. Proses dilakukan berulang kali sehingga mencapai ketinggian yang di ingini. Setelah tanah liat bahagian atas atau mulut terenang di licin menggunakan kain sepanjang enam inci panjang dan satu inci lebar yang dibasahkan. Ia dilakukan sambil pemusing memusingkan Terenang dan mendapat kemas mulut yang sekata. Terenang yang telah siap, ia di biarkan selama dua atau tiga hari di tempat teduh sehingga separa kering untuk proses 'menepuk'. Menepuk ialah proses membentuk bahagian bawah terenang dan dilakukan berulang-ulang kali sambil memusing-musingkan bahagian bawahnya untuk mendapat bentuk yang sama. Bagi terenang kecil, ia boleh dipegang di tangan sahaja, sebelah tangan lagi di gunakan untuk menepuk. Jika terenang besar, ia diletakkan di ribaan supaya tekanan yang dikenakan akibat tepukan kayu penempek itu dapat di kawal oleh si pembuat tembikar.

Setelah mendapat bentuk Terenang yang sempurna di bahagian luarnya, bahagian dalam pula dikemaskan dengan mengikis perlahan-lahan lebih tanah liat dengan gelungan besi kecil yang dinamakan besi pengokot. Kerja-kerja mengokot ini dilakukan dengan berhati-hati supaya besi pengokot itu tidak menghakis tanah liat di bahagian dalam dengan banyak kerana ini akan membuatkan terenang tembus di bahagian dasarnya. Terenang kecil yang mempunyai bukaan mulut yang kecil menyukarkan untuk memasukkan tangan dan besi pengokot di dalamnya. Alternatif alatan lain digunakan seperti sudu besi dan dilakukan dengan berhati-hati. Di sinilah kemahiran pandai tanah teruji apabila menghasilkan tembikar terutamanya terenang bersaiz kecil. Menurut hampir kesemua responden yang di temu bual mereka menyatakan bahawa menghasilkan terenang kecil adalah sangat rumit.

Meluru

Setelah Terenang dikikis di bahagian dalam dan bahagian luar bawah, ia akan digilap dengan batu sungai untuk menutup liang pori tanah liat di samping mengilatkan. Proses ini dinamakan '*meluru*'. Pada bahagian leher terenang akan di luru dengan batu yang mempunyai permukaan yang kasar terlebih dahulu. Batu ini bersaiz kecil lebih kurang dua inci panjang dan dua inci lebar. Batu berbentuk leper ini digosok sekeliling permukaan leher tembikar sehingga liang pori tanah tertutup rapat. Kemudian batu yang mempunyai permukaan halus akan digunakan untuk meluru sehinggalah permukaan Terenang berkilat. Lebih lama permukaan Terenang di luru akan membuatkan permukaan lebih berkilat seperti disapu dengan licau. Hanya batu sungai sahaja yang sesuai untuk dijadikan batu luru. Terenang yang di luru lama akan membuatkan ianya lebih tahan lama dan tidak mudah tiris jika disimpan air di dalamnya. Untuk mendapatkan permukaan tembikar yang cantik ketika melakukan proses meluru, arah batu digeser ke permukaan mestilah dari bahagian bawah membawa ke atas dalam pergerakan satu hala. Jika dilakukan dua hala, permukaan tembikar lebih lambat untuk dilicinkan dan tidak menarik. Proses meluru atau menggilap ini memakan masa satu hari. Ia dilakukan dengan perlahan dan berhati-hati memandangkan tanah liat yang separa kering itu rapuh dan mudah pecah.

Menghias permukaan dengan motif

Tidak lengkap sesuatu rekaan seni jika tidak diperindah dengan hiasan. Di antara hasil tembikar Tembeling seperti periuk tanah, belanga dan perasapan, Terenang akan diberi penekanan hiasan yang lebih. Ini sesuai dengan fungsinya sebagai tempat menyimpan air minuman, dan selalu diletakkan di sudut dalam rumah, sewajarnya ia dihias.

Motif yang digunakan pada semua tembikar tradisional Tembeling ini diambil dari motif yang biasa digunakan dalam kesenian Melayu seperti pucuk rebung, bunga pecah empat, tampuk manggis dan lain-lain lagi. Antara motif yang di gunakan dalam hiasan tembikar Tembeling ini ialah bunga 'dong gek', bunga pecah tiga, bunga pecah empat, pucuk rebung, tampuk manggis, bunga sambau, bunga kipas, bunga pecah enam, bunga pecah lapan, bunga 'S', bunga kundur, sat lekuk (bentuk hati), tapak itik, tapak pelanduk, bunga kelopak (bunga kening), dan bunga cekik leher. Ada juga motif-motif baru yang di dapati daripada alatan masa kini seperti skru dan tudung pen. Motif ini diambil berdasarkan kesan (*marks*) yang boleh didapati untuk mewujudkan motif. Umpamanya skru digelekkkan bahagian yang bergerigis untuk diletakkan pada mulut terenang. Kesan ini hanya terjadi secara spontan apabila pembuat tembikar ini mencari-cari motif yang sesuai untuk menutup ruang kosong yang ada. Motif bunga-bunga diletakkan pada badan tembikar apabila selesai proses meluru. Bunga utama yang di letakkan pada badan terenang atau belanga ialah bunga 'dong ngek'. Alatan yang digunakan untuk menangkap motif di badan tembikar menggunakan kayu merbau dan buluh yang di ukir motif di hujungnya. Kayu yang berukuran lapan sentimeter panjang ini di tekapkan ke permukaan tembikar yang masih lembap.

Tidak semua bahagian Terenang akan diletakkan motif hiasan. Untuk Terenang, bahagian yang dihias adalah di bahagian penutup, bibir, leher dan bahagian dada. Kesemua bahagian tadi dihias motif bunga penuh iaitu dengan mengulang-ulang motif yang sama sehingga mengelilingi tembikar tersebut. Namun demikian antara bahagian dada hingga ke bawah badan, ianya diberi sedikit sahaja hiasan motif dan adakalanya dibiarkan kosong sahaja tanpa sebarang motif. Bahagian alas Terenang hanya dihias di bahagian tepinya sahaja dan bahagian lain dibiarkan kosong tanpa motif. Tambahan pula bahagian ini akan terlindung apabila Terenang di letakkan di atasnya.

Meletakkan motif bunga juga mempunyai peraturannya. Jika tidak di susun mengikut hierarki, motif di badan tembikar akan kelihatan tidak seimbang. Keseimbangan yang di maksudkan ialah urutan saiz bunga mestilah mengikut kesesuaian saiz tembikar. Sebagai contoh susunan motif pada terenang, mestilah di mulakan dengan motif bunga-bunga kecil dahulu. Semakin hiasan menuruni badan terenang saiz bunga motif menjadi semakin besar dan hiasan motif dimatikan dengan bunga samba di pertengahan badan terenang. Selain bahagian badan, penutup juga diletakkan motif. Penutup belanga atau terenang lazimnya tidak diletakkan motif yang terlalu sarat. Memadai dengan terapan motif pucuk rebung, tapak pelanduk dan bunga pecah empat.

Pengeringan

Tembikar yang telah siap dibiarkan kering dengan suhu bilik di tempat teduh. Biasanya tembikar ini diletakkan di tempat yang lebih tinggi seperti rak di dinding rumah untuk mengelakkan daripada dilanggar oleh kanak-kanak ataupun haiwan seperti kucing. Pengeringan tembikar yang telah siap dilakukan selama empat atau lima hari. Tempoh pengeringan ini bergantung kepada saiz tembikar. Jika besar saiz tembikar itu maka tempoh masa pengeringan lebih lama. Tembikar tidak dibiarkan kering mengejut seperti menjemur di bawah sinar matahari kerana akan membuatkan tembikar itu pecah. Dinding tembikar yang nipis akan mengering dengan cepat, manakala ada bahagian yang tebal seperti bahagian tapak yang lambat kering. Partikel tanah liat yang belum kering akan menarik partikel tanah liat telah kering menjadikan dinding itu retak. Ini di buktikan dengan ujian tanah liat yang dilakukan.

Pembakaran

Pembakaran tembikar di Tembeling dulunya dilakukan dengan teknik pembakaran terbuka. Tembikar yang benar-benar kering sahaja yang boleh di bakar. Penduduk kampung memanggil teknik pembakaran ini '*bakar keling mati*'. Kayu api disusun berselang seli seperti mana masyarakat Melayu dahulu menyusun kayu api yang disimpan untuk kegunaan memasak. Tembikar di susun kemas di tengah bahagian bawah kayu api. Api dinyalakan di dua sudut yang bertentangan. Untuk menguatkan nyalaan, nyalaan api direbakkan ke bahagian dua penjuru lagi. Selain kayu api, pelepah kelapa turut digunakan untuk mendapatkan nyalaan api yang lebih besar dan menaikkan suhu pembakaran. Pembakaran terbuka ini dilakukan dalam masa empat atau lima jam. Apabila api beransur padam dan tembikar di katakan matang atau masak, kayu api diserakkan untuk menurunkan suhu. Untuk mengetahui tembikar telah masak, tembikar itu akan dijentik atau diketuk. Jika ianya mengeluarkan bunyi 'berdenting', pembuat tembikar mengenal pasti bahawa tembikar itu telah mencapai tahap matang. Selain pembakaran secara terbuka, Terenang juga dibakar menggunakan Tanur batu bata yang dipanggil penduduk tempatan dengan nama 'Gok'. Tanur atau Gok yang berbentuk iglu ini masih menggunakan kayu api sebagai bahan bakar.

PERUSAHAAN TEMBIKAR TERENANG DI TEMIN KRAF

Temin Kraf merupakan satu-satunya perusahaan tempatan yang masih meneruskan kegiatan pembuatan tembikar tradisional di negeri Pahang. Terdapat dua orang pengusaha yang masih meneruskan perusahaan ini di situ. Encik Mohammad bin Zakaria mempunyai pengalaman luas berkaitan pembuatan tembikar tradisional negeri Pahang kerana beliau sendiri berasal dari Kampung Pasir Durian. Encik Mohammad belajar tentang ilmu tembikar di Kuala Kangsar selama 2 tahun (1987-1988). Beliau juga telah belajar terus dari penggiat-penggiat tembikar tradisional di Pasir Durian (1989-1993). Beliau menimba pengetahuan dari 9 orang penggiat iaitu Hajah Noriah, Zabedah, Jamilah, Manja, Siti Nor, Zainab, Mahebbah, Fatimah dan Halimah. dan kemudian telah diberi peluang menuntut ilmu berkaitan tembikar di Jepun selama 1 tahun sekitar tahun 1993 hingga 1994 atas tajaan pihak PPKM. Apabila kembali dari Jepun, beliau telah

memulakan perusahaan secara persendirian di Kuala Tembeling dan ia bergerak selama 6 tahun. Beliau mempunyai pengalaman membuat tembikar selama 30 tahun.

Encik Zainal bin Idris memulakan kegiatan menghasilkan tembikar bersama abang beliau di Kampung Temin iaitu bersebelahan rumah ibu mereka. Beliau mendapat pendedahan tentang kemahiran membuat tembikar dari pihak Kraftangan Malaysia di Kuala Kangsar. Beliau juga mempelajari membuat tembikar secara tradisional di Kampung Pasir Durian. Encik Zainal mempunyai pengalaman membuat tembikar selama 33 tahun.

Pada asalnya Temin Kraf bermula dari dua perusahaan kecil di Kampung Kuala Tembeling dan Kampung Temin pada tahun 1988. Kegiatan di Kampung Kuala Tembeling diusahakan oleh Encik Muhamad bin Zakaria manakala di Kampung Temin oleh Encik Zainal bin Idris. Encik Muhamad bin Zakaria berasal dari Kampung Pasir Durian. Kegiatan ini akhirnya disatukan di lokasi baru di Kampung Temin atas tanah kerajaan pada tahun 2003 dan didaftarkan pada tahun 2004. Di sini Temin Kraf telah berkembang dengan menerima bantuan seperti bangunan bengkel dan bilik pameran. Bengkel tersebut dilengkapi peralatan berskala sederhana seperti tanur, dapur pengeringan acuan (*mould dryer*), *potter wheel*, *plunger*, *banding wheel*, *pug mill* dan *air compressor*. Selain daripada tembikar Terenang, Temin Kraf juga menghasilkan pasu pelbagai saiz, labu sayong, bekas telur, belanga dan kajian reka bentuk tembikar.

Perusahaan tembikar di Kampung Temin bermula dengan usaha dari Zul bin Idris sekitar tahun 1983. Perusahaan ini dijayakan di kawasan bengkel yang didirikan bersebelahan rumah ibu beliau di Kampung Temin. Zul bin Idris merupakan pelajar lepasan ITM dalam bidang seramik. Sebaik tamat dari pengajian beliau juga telah menuntut ilmu penghasilan tembikar tradisional Tembeling dari penggiat-penggiat di Kampung Pasir Durian. Selepas beberapa tahun perusahaan ini diteruskan pula oleh adik beliau Zainal bin Idris bersama beberapa orang rakan iaitu Yusri bin Hitam, Anuar bin Hassan dan Rosidah binti Hassan apabila beliau mengambil keputusan untuk berhijrah ke Pulau Langkawi. Zainal bin Idris dan Anuar bin Hassan mendapat pendedahan berkaitan tembikar dari Perbadanan Kraftangan Malaysia cawangan Perak di Kuala Kangsar. Temin Kraf kemudiannya telah diurus oleh Zainal dan Anuar sahaja apabila Yusri mendapat peluang pekerjaan lain. Selepas tahun 2000 Temin Kraf telah bergabung dengan seorang pengusaha tembikar yang bergerak secara persendirian di Kampung Kuala Tembeling dikenali dengan nama Muhamad bin Zakaria. Beliau menjalankan kegiatan di kampung tersebut dengan menumpang di bengkel perusahaan buluh.

Temin Kraf mula didaftarkan pada 2004 dan berpindah ke kawasan yang lebih luas di sediakan oleh pihak kerajaan. Semenjak awal penubuhannya Temin Kraf mendapat sambutan positif dari masyarakat setempat dan luar. Perusahaan ini mendapat sokongan yang baik dari pihak Kraftangan Malaysia dan telah menerima kunjungan dari pelawat dari dalam dan luar negara untuk tujuan seperti demonstrasi, pembelajaran, tempahan dan sebagainya. Bengkel ini juga menerima lawatan dari bekas menteri besar Pahang iaitu Datuk Khalil Yaakob pada tahun 1995. Temin Kraf menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada belia-belie tempatan untuk mempelajari kemahiran tembikar. Bengkel kerap diadakan dan dijayakan oleh guru dan murid-murid yang bakal menghadapi peperiksaan atau sebagai asas pengenalan kepada tembikar.

Perusahaan ini pada awalnya dibiayai dengan modal sendiri tetapi sepanjang perkembangan pembangunannya, ia telah mendapat banyak bantuan pembiayaan dari badan-badan kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pahang). RISDA dan Pejabat Daerah Jerantut. Penempatan semula Temin Kraf di satu tempat baru lebih kurang 5 km daripada tempat asal telah memberi ruang yang lebih luas untuk pengusaha membuat pengeluaran pada skala yang besar dengan menggunakan teknologi moden pada proses penghasilan.

Nama Temin Kraf adalah berdasarkan nama Kampung Temin di mana tempat perusahaan ini dijalankan manakala perkataan kraf merujuk kepada kegiatan perusahaan yang menghasilkan hasil kerja tangan yang berasaskan tanah iaitu tembikar. Tumpuan kegiatan bukan hanya menghasilkan tembikar tradisional sahaja tetapi juga tembikar moden bagi memenuhi permintaan pengguna. Perusahaan ini merupakan program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Penempatan semula Temin Kraf di satu tempat yang dikhaskan oleh kerajaan bertujuan untuk memodenkan pengeluaran dan pembuatan tembikar Terenang serta tembikar tradisional lain yang menjadi warisan negeri Pahang. Penggunaan teknologi moden telah dipraktikkan bagi mengubah amalan kegiatan lama yang diwarisi dari penggiat terdahulu.

Temin Kraf terletak 7 kilometer dari pusat bandar Jerantut iaitu di sebelah kiri jalan menuju ke daerah Temerloh di belakang Masjid Kampung Temin berhampiran Pusat Pertanian. Lokasinya terletak 1 kilometer dari jalan utama di belakang masjid tersebut. Kampung Temin merupakan kampung tersusun yang terletak di pinggir bandar. Ia berada di dalam Mukim Pulau Tawar, salah satu dari 9 mukim yang membentuk daerah Jerantut. Kampung Pasir Durian dan Temin Kraf berada di dalam daerah yang sama tetapi jarak di antara kedua-dua tempat ini adalah 36 kilometer dan mengambil masa sekitar 45 minit untuk dihubungi. Jalan utama yang menghubungkan antara dua tempat ini juga agak tidak sempurna kerana berada di dalam kawasan tanah rancangan (FELDA) dan jalan kampung.

Penghasilan tembikar Terenang di Temin Kraf dianggar telah diusahakan selama lebih kurang 33 tahun iaitu bermula dengan bengkel kecil pada sekitar tahun 1983. Walaupun kegiatan hanya bertumpu di Kampung Temin tetapi ia sudah berpindah dari lokasi asal di dalam kawasan kampung tersebut. Di lokasi baru saiz bengkel yang disediakan adalah lebih besar dan dilengkapi dengan bilik pameran. Selain itu turut disediakan kemudahan alatan seperti mesin yang lebih moden untuk membantu proses pengeluaran. Perusahaan Temin Kraf dijalankan di atas tanah kerajaan yang berkeluasan dua ekar. Keseluruhan pembangunan perusahaan hanya melibatkan setengah ekar dari keluasan tanah yang diperuntukkan. Di atas tanah tersebut dibina sebuah bengkel dan sebuah bilik pameran.

Sebelum menjalankan aktiviti di Temin Kraf, Encik Mohammad telah bermula awal secara persendirian di Kampung Pasir Durian. Di Kampung tersebut beliau telah mempelajari teknik pembuatan Terenang dan tembikar-tembikar lain daripada ibu saudaranya dan penggiat-penggiat lain. Menurut Encik Mohammad beliau kemudian telah menyewa bengkel kecil di Kampung Kuala Tahan yang terletak di seberang Sungai Pahang tidak jauh dari Kampung Pasir Durian. Encik Mohammad kemudian telah menyertai perusahaan Temin Kraf di kawasan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Encik Zainal memulakan aktiviti awal menghasilkan

tembikar berhampiran kawasan rumahnya yang terletak tidak jauh daripada tapak bengkel sekarang di Kampung Temin. Apabila kerajaan menyediakan bengkel di tapak baru, beliau telah bergerak memulakan aktiviti di situ.

Proses menjual tembikar Terenang ada beberapa cara iaitu secara tempahan, jualan di galeri (*show room*) Temin Kraf, dihantar ke pusat kraf, expo dan pameran. Bagaimanapun tempahan merupakan cara paling kerap dilakukan untuk menjual Terenang. Para pembeli tembikar Terenang bukan sahaja datang dari penduduk tempatan malah dari luar negeri Pahang. Pada masa kini tempahan adalah tidak menentu dan pasaran semakin mengecil. Keuntungan penjualan tembikar Terenang untuk lima tahun kebelakangan ini antara tahun 2011 hingga 2015 adalah semakin menurun dan tidak menentu. Keuntungan dalam satu bulan pada anggaran kasar ialah di antara RM500 hingga RM1000 dan bergantung pada permintaan semasa.

Pembuatan tembikar di Temin Kraf dijalankan di kawasan khas yang dibangunkan oleh pihak kerajaan. Ini dapat diperhatikan pada kemudahan bangunan yang dibina dan kemudahan alatan yang digunakan untuk tujuan pembuatan tembikar Terenang. Bengkel yang didirikan di Temin Kraf terdiri daripada 3 bangunan. Bangunan tersebut terdiri daripada bengkel utama yang mengandungi pejabat dan kawasan kerja, stor untuk menyimpan acuan dan proses tanah dan bilik pameran yang bertujuan untuk mempamerkan produk siap untuk dijual. Bengkel ini juga disediakan tempat letak kereta dan bas untuk tujuan kemudahan bagi pelawat yang datang untuk tujuan lawatan, urusan pembelian, demonstrasi dan sebagainya. Keseluruhannya Temin Kraf dibangunkan di atas tanah yang berkeluasan dua ekar dan persekitaran yang sangat sesuai untuk dihubungi sama ada ke bandar Jerantut, Kuantan (Ibu negeri Pahang) dan ke Kuala Lumpur. Kedudukan ini akan membantu menjimatkan kos pengangkutan dan membolehkan Terenang dipasarkan dengan segera. Penghasilan Terenang di Temin Kraf bermula dengan proses penyediaan tanah, pembuatan jasad, pendekorasan dan pembakaran.

Penyediaan Tanah

Proses penyediaan tanah melalui tiga fasa aktiviti yang bermula dengan aktiviti pengambilan tanah, pemprosesan tanah dan penyediaan *slip*. Proses ini adalah penting kerana tanah adalah bahan sumber utama kepada kegiatan ini. Tanah akan membentuk fizikal jasad tembikar Terenang yang dihasilkan. Proses penyediaan tanah ini memerlukan kepakaran pengusaha untuk menentukan kesesuaian tanah yang boleh digunakan untuk dibentuk menjadi jasad tembikar Terenang. Proses penyediaan tanah di Temin Kraf bermula dengan aktiviti mengali tanah dan pemprosesan tanah (penghasilan *slip*).

Pengambilan Tanah

Dapatan pemerhatian mendapati aktiviti pengambilan tanah di Temin Kraf dijalankan di lokasi yang dikenal pasti yang berhampiran dengan kawasan bengkel dalam lingkungan jarak 2 hingga 5 km sahaja. Jarak di antara lokasi ini dengan bengkel ialah dalam lingkungan 2 km sahaja. Lokasi ini terletak di tepi jalan dalam kawasan kebun kelapa sawit. Tanah yang digunakan ini merupakan tanah dari kawasan berpaya. Proses mengambil tanah ini menggunakan bantuan jentolak untuk mengaut tanah pada kedalaman 2 hingga 6 kaki.

Proses mengambil tanah liat bukan berlaku secara berkala tetapi mengikut keperluan permintaan dan keadaan semasa. Jentolak digunakan untuk mengorek dan memasukkan tanah ke dalam lori kecil untuk dibawa ke bengkel. Kedua-dua kenderaan ini disewa oleh Temin Kraf kerana penggunaannya tidak kerap. Penggunaan jentolak adalah bertujuan untuk memudahkan proses penggalian yang menjangkau sehingga kedalaman 6 kaki. Jenis tanah yang diambil adalah merupakan tanah lembap di kawasan berpaya yang akan memudahkan kerja-kerja penggalian. Tanah ini akan dibiarkan berhampiran mesin pemprosesan bagi memudahkan aliran kerja dijalankan dengan mudah. Tanah yang terbiar ini akhirnya menjadi keras dan kering serta dalam keadaan bercampur aduk dengan bendasing seperti kayu, batu dan sebagainya. Pemisahan bendasing yang kasar dilakukan secara manual oleh pengusaha sama ada semasa proses mengambil tanah atau sebelum pemprosesan tanah dijalankan.

Pengusaha di Temin Kraf tidak lagi menggunakan sumber tanah dari Kampung Pasir Durian yang hanya dikhaskan kepada para penggiat di kampung tersebut sahaja. Oleh kerana Temin Kraf terletak luar dari kawasan kampung ini adalah tidak wajar untuk terus menggunakan tanah itu. Kegiatan penghasilan tembikar tradisional di Kampung Pasir Durian juga sudah terhenti, kawasan ini sudah terbiar dan diteroka untuk aktiviti pertanian di kawasan pinggirannya. Oleh itu menjadi satu isu jika mengambil tanah tanpa kebenaran untuk melalui tanah orang lain. Pengambilan tanah di sini juga memerlukan amalan kepercayaan lama yang sesuai untuk penyediaan Terenang dalam jumlah yang sederhana dan tidak praktikal untuk diamalkan lagi oleh Temin Kraf.

Pengambilan tanah di Temin Kraf menggunakan kaedah moden dan tidak lagi mengamalkan kepercayaan terdahulu yang menggunakan jampi serapah dan tangkal untuk mendapat sumber tanah yang bersesuaian. Temin Kraf juga tidak menggunakan sumber tanah dari Kampung Pasir Durian tetapi telah mengenal pasti sumber yang berhampiran dengan bengkel. Walaupun kualiti tanah ini berbeza tetapi ia bersesuaian dengan kaedah acuan tuang yang digunakan. Perubahan dalam proses mengambil tanah ini disebabkan jumlah pengeluaran di Temin Kraf adalah lebih besar dan bersesuaian dengan kaedah moden yang digunakan.

Pemprosesan Tanah (Penghasilan Slip)

Aktiviti pemprosesan tanah menggunakan kaedah moden berbantuan mesin untuk memproses tanah. Penggunaan kaedah moden berbantuan alat dan bahan adalah penting untuk memudahkan penyediaan tanah liat untuk diproses dengan segera dan disesuaikan dengan kaedah acuan tuang yang digunakan. Penggunaan alatan moden juga dapat membantu pengusaha menguji kesesuaian tanah yang digunakan untuk menghasilkan Terenang. Bahan-bahan tambahan yang dimasukkan ke dalam tanah semasa proses awal dapat menghasilkan tanah liat yang lebih sesuai dan kuat dengan kaedah moden serta mempunyai ciri-ciri yang unik seperti warna dan tekstur.

Penggunaan mesin pengisar (*Ball Mill*) ini memudahkan penghancuran tanah dengan lebih halus. Terdapat 2 buah mesin pengisar yang digunakan dan mampu menampung berat kandungan di antara 50 kg dan 300 kg. Proses ini mengambil masa sehingga 6 jam bagi menghancurkan dan mencampurkan sebatian tanah. Penggunaan mesin memerlukan bahan-

bahan tertentu untuk dicampurkan sekali dalam tanah mentah. Mesin pengisar ini berfungsi untuk menggaul, mengisar dan menghaluskan campuran tanah dan bahan-bahan lain bagi menghasilkan *slip*. Tanah dimasukkan ke dalam mesin pengisar melalui lubang khas yang terdapat di bahagian tengah badan mesin oleh penggiat dan pada masa yang sama bahan-bahan yang tidak diperlukan seperti kayu-kayu kecil akan dibuang.

Mesin pengisar ini bertindak menghancurkan dan menghalusi kandungan tanah dan bendasing dengan menggunakan bola-bola seramik serta menyebatkan bahan-bahan yang telah dicampurkan. Bola-bola seramik ini akan menghancurkan kandungan tanah. Bahan-bahan asing yang tidak hancur akan mendap ke bawah. Tanah yang diproses dalam mesin ini untuk tempoh yang lama akan lebih halus kualitasnya kerana tanah yang di adun dengan lebih lama di dalam mesin ini akan dapat dihancurkan dengan baik dan akan bercampur dengan bahan-bahan lain yang telah dimasukkan. Ini akan menghasilkan *slip* yang mempunyai kualiti yang baik untuk menghasilkan tembikar Terenang dengan kaedah acuan tuang.

Bahan-bahan yang akan dicampurkan bersama tanah di dalam mesin pengisar iaitu pasir (silika), tanah bakar/*grog* (serpihan tembikar yang rosak dan pecah semasa pembakaran pertama) air dan sodium silikat. Tujuan proses ini ialah membolehkan sebatian tanah yang lebih kuat akan terhasil. Bahan-bahan ini akan dimasukkan ke dalam mesin pengisar mengikut sukatan tertentu. Apabila pemprosesan tanah menggunakan mesin pengisar selesai, tanah dalam bentuk cecair pekat akan dikeluarkan dan seterusnya akan melalui proses pemeraman dalam tong bersaiz besar. Proses pemeraman akan menyebabkan bendasing yang tidak hancur sepenuhnya akan mendap ke dasar tong yang digunakan.

Mesin *plunger* pula berfungsi untuk menyediakan tanah liat cair atau *slip* dengan mengaulkan tanah liat dengan air agar sebatian dan mengacau sebatian *slip* supaya tidak mendap. Mesin ini di gerak menggunakan kuasa elektrik. Tanah yang digunakan diambil dari tong pemeraman.

Pembuatan Jasad

Proses pembuatan jasad tembikar Terenang melalui tiga fasa berturutan yang bermula dengan proses pengacuanan, proses kemasan dan proses pengeringan. Proses pembuatan tembikar Terenang di Temin Kraf adalah berbeza dengan yang diamalkan di Kampung Pasir Durian. Pembentukan jasad tembikar Terenang merupakan satu proses yang penting untuk mendapatkan reka bentuk yang betul melalui kaedah acuan tuang.

Pengacuanan

Pengacuanan merupakan proses menghasilkan jasad tembikar menggunakan acuan tuang. Acuan ini dibuat oleh pengusaha mengikut reka bentuk jasad tembikar Terenang yang dikehendaki. Acuan tuang merupakan alat utama di dalam proses penghasilan tembikar Terenang. Acuan ini yang diperbuat dari *Plaster of Paris (POP)* yang merupakan batu gipsum telah diproses menjadi

serbuk dan ia juga dikenali sebagai *gypsum plaster*. Di Temin Kraf terdapat beberapa jenis acuan digunakan yang membolehkan tembikar Terenang dihasilkan dengan pelbagai saiz dan bentuk.

Kemasan (*Trimming*)

Tembikar Terenang yang dikeluarkan dari acuan akan melalui proses kemasan bagi mendapatkan bentuk yang dikehendaki (Rajah 4.26). Proses ini dilakukan untuk mengemas dan membuang lebihan tanah yang tidak diperlukan yang terjadi semasa proses pembentukan dalam acuan. Garisan cantuman atau garis tuangan (*seam line*) yang ada pada permukaan tembikar Terenang, kesan dari cantuman acuan perlu diperhalusi sehingga hilang menggunakan alat seperti pelarik dan disapu dengan air menggunakan span supaya tidak jelas menonjol dan tidak mengganggu dekorasi serta bentuk. Ini bertujuan untuk mengurangkan kesan acuan semasa pembuatan yang boleh mengurangkan elemen keaslian (*originality*) terutama pada pembeli yang mengharapkan pembuatan tembikar Terenang adalah hasil tangan sepenuhnya. Proses membuang lebihan ini dilakukan dengan teliti supaya tidak mencacat dan merosakkan bentuk tembikar Terenang (Rajah 4.27).

Penggunaan span lembap juga dapat menghapuskan kesan garisan dan menghapuskan kesan potongan. Proses ini juga bagi mendapatkan permukaan tembikar Terenang yang lebih licin dan semula jadi seperti tembikar Terenang tradisional yang di hasil menggunakan tangan. Bagi mempercepatkan kerja ini, pengusaha akan menggunakan mesin lempar alin yang mengurangkan sentuhan terus pada tembikar Terenang yang masih lembap.

Penggunaan mesin lempar alin semasa pembuatan tembikar Terenang pula membantu memudahkan proses pembersihan dan mengemas selepas tembikar Terenang dikeluarkan daripada acuan dan proses menghias seperti mengecat. Mesin ini bergerak menggunakan tenaga manusia dan menggunakan elektrik. Mesin ini akan berputar mengikut pusingan jam dan pengusaha perlu menggunakan kemahiran tangan untuk membentuk tanah yang berada di atas pusingan piring mesin untuk mendapatkan bentuk yang diingini. Penggunaan mesin ini dapat memudahkan kerja pengemasan dilakukan dengan pantas. Sebelum penggunaan mesin ini lebihan tanah pada tembikar Terenang dibuang menggunakan alatan seperti pisau. Selain itu mesin ini juga digunakan untuk menyapu cat pada permukaan tembikar Terenang.

Pengeringan

Proses pengeringan berlaku pada dua peringkat iaitu di dalam acuan dan pengeringan setelah jasad tembikar Terenang dikeluarkan dari acuan tuang. Proses pengeringan acuan berlaku apabila ketebalan jasad tembikar mula kelihatan, di mana plaster acuan mula menyerap air dalam kandungan *slip* dan lebihan *slip* kemudian dikeluarkan. Sebaik sahaja proses kemasan selesai, tembikar Terenang akan dibiarkan kering pada suhu bilik. Pengeringan Terenang tidak memakan masa yang lama kerana bahagian dinding yang mempunyai ketebalan yang sama membolehkan pengeringan berlaku dengan serentak. Pada peringkat awal pengeringan, jasad tembikar Terenang tidak dibiarkan terlalu kering kerana perlu melalui proses pendekorasian permukaan. Pengeringan merupakan proses penting sebelum tembikar Terenang dibakar dalam tanur gas.

Pengusaha akan memastikan tembikar Terenang akan kering sepenuhnya sebelum pembakaran dimulakan. Kebiasaannya tembikar Terenang akan disalai dalam tanur supaya kering sepenuhnya.

Tembikar Terenang yang telah siap dibiarkan kering dengan suhu bilik di tempat yang teduh dan tinggi seperti rak untuk mengelakkan daripada dengan tidak sengaja. Pengerangan tembikar Terenang yang telah siap dilakukan selama empat atau lima hari. Tempoh pengerangan bergantung kepada saiz. Tembikar Terenang yang bersaiz besar tempoh masa pengerangannya adalah lebih lama. Tembikar Terenang tidak dibiarkan kering dengan mengejut seperti menjemur di bawah sinar matahari secara terus kerana ini akan menyebabkan ia retak. Partikel tanah liat yang belum kering akan menarik partikel tanah liat telah kering menjadikan dinding itu retak. Dinding tembikar Terenang yang nipis akan mengering dengan cepat, manakala ada bahagian yang tebal seperti bahagian tapak yang lambat kering.

Pendekorasian

Proses dekorasi merupakan langkah yang penting untuk meningkatkan keindahan tampak tembikar Terenang. Setiap teknik dekorasi mempunyai cara untuk dihasilkan menggunakan kemahiran pengusaha dan penumpuan yang tinggi. Berdasarkan pemerhatian didapati proses pendekorasian tembikar Terenang di Temin Kraf adalah lebih kreatif dan inovatif kerana penggunaan acuan tuang dapat meningkatkan jumlah penghasilan dalam variasi saiz. Ini membolehkan pengusaha mendekorasi tembikar Terenang dengan pilihan hiasan yang sesuai. Kajian ini mengenal pasti kaedah pendekorasi yang digunakan di Temin Kraf iaitu terapan, ukiran, engobe dan sepuhan. Teknik terapan ialah teknik lama yang diwarisi dari Kampung Pasir Durian. Teknik ukiran merupakan penyesuaian teknik ukiran kayu dan pengaruh dari teknik ukiran yang digunakan oleh penggiat-penggiat di Perak. Engobe pula teknik menyapu warna sebagai latar sebagai penegasan bagi ukiran motif. Teknik sepuhan pula satu cara menyalut keseluruhan tembikar Terenang dengan cecair berkaca dan dibakar yang menjadi permukaan tembikar Terenang berkilat. Jelas sekali penggunaan acuan tuang mengerakkan pengusaha untuk berani melakukan eksperimen mengindahkan lagi tampak tembikar Terenang. Ini kerana dengan kaedah acuan tuang, tembikar Terenang dapat dihasilkan dengan banyak dan segera dengan masa singkat.

Berdasarkan pemerhatian telah dikenal pasti alat dan bahan yang digunakan semasa proses dekorasi. Alatan untuk tujuan dekorasi adalah bergantung kepada jenis teknik yang akan digunakan. Alat utama yang digunakan untuk menghias permukaan tembikar Terenang adalah kayu bunga. Kayu ini merupakan sejenis batang kayu yang mempunyai ukiran di hujungnya. Pada masa dahulu kayu bunga diperbuat daripada kayu keras yang didapati dari kayu-kayu hanyut di sekitar kawasan tebing sungai Tembeling. Kayu-kayu hanyut ini mempunyai sifat keras dan tahan yang sangat bersesuaian dijadikan sebagai kayu bunga. Kayu bunga akan menerap motif pada bahagian-bahagian yang dikenal pasti pada tembikar Terenang.

Penutup ubat gigi yang mempunyai garisan-garisan timbul akan meninggalkan kesan garisan terutamanya pada bahagian mulut tembikar Terenang. Mata pen digunakan untuk menghasilkan titik-titik pada bahagian tertentu. Alat ukir digunakan untuk mengukir motif

seperti daun atau bunga pada bahagian badan atau tudung tembikar Terenang. Proses mengecat warna pada permukaan tembikar Terenang melibatkan bahan utama iaitu cat. Capah (*potter wheel*) digunakan untuk memudah dan mempercepatkan proses kerja. Cat yang digunakan dalam proses ini terdiri dari tiga jenis warna iaitu kelabu, merah dan putih. Warna merah menjadi garisan luar dan warna putih di bahagian dalam yang akan menimbulkan motif ukiran. Jenis cat yang digunakan dalam proses ini merupakan bahan yang dihasilkan sendiri oleh Encik Mohammad atau yang dibeli. Cat yang berwarna merah dihasilkan dari tanah yang mengandungi bijih besi dan cat berwarna putih serta kelabu mengandungi kaolin. Sepuh adalah proses menyadur tembikar Terenang dengan lapisan kaca. Cecair yang digunakan untuk tujuan sepuhan mengandungi bahan-bahan tertentu seperti *silica*, *potash feldspar*, *whiting*, serta *red iron oxide* atau *cobalt blue* untuk memberikan warna pada licau tersebut.

Pembakaran

Proses pembakaran merupakan langkah terakhir yang terpenting sebelum tembikar Terenang sampai ke tangan pembeli. Proses ini merupakan peringkat terakhir untuk menyempurnakan reka bentuk tembikar Terenang yang telah dihasilkan. Proses pembakaran di Temin Kraf menggunakan kaedah moden iaitu menggunakan tanur gas. Penggunaan tanur gas dapat menghasilkan pembakaran yang lebih seragam dengan suhu yang tinggi sehingga 1200°C.

Proses Pembakaran

Berdasarkan pemerhatian telah dikenal pasti alat dan bahan yang digunakan untuk membantu proses pembakaran. Penggunaan tanur gas adalah lebih mudah diselenggarakan berbanding tanur elektrik kerana kosnya lebih murah. Bat merupakan alas yang diperbuat daripada POP yang digunakan untuk meletakkan tembikar Terenang dan tembikar lain di atasnya yang membolehkan penyusunan dibuat secara bertingkat di dalam tanur. Ruang dalam tanur dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk tujuan pembakaran dan mengelakkan pembaziran bahan bakar. Bat juga membolehkan pembakaran dilakukan dengan sempurna misalnya pembakaran tembikar bersepuh dapat dilakukan dengan baik.

Tanur gas dibina oleh pengusaha dapat menjimatkan kos dan menepati kehendak berdasarkan keperluan di bengkel. Tanur ini dibina oleh pengusaha berdasarkan pengalaman dan kemahiran setelah lama bergiat dalam pembuatan penghasilan tembikar. Tanur yang kini digunakan di Temin Kraf mampu memuatkan tembikar lain serta tembikar Terenang sehingga 200 buah dalam satu proses pembakaran tetapi ini bergantung pada saiz tembikar. Selain itu tanur juga digunakan untuk menyalai tembikar sebelum dibakar bagi memastikan ia kering.

Penyejukan

Proses penyejukan bertujuan untuk membiarkan tembikar Terenang menurunkan suhu secara semula jadi akibat dari proses pembakaran. Pintu tanur akan dibiarkan terbuka dan tembikar Terenang akan dibiarkan sejuk perlahan-lahan mengikut suhu bilik. Dapatan kajian proses ini

memerlukan tembikar dibiarkan sejuk dengan perlahan-lahan pada suhu bilik. Penyejukan secara semula jadi ini mengelakkan suhu panas turun dengan mendadak dan akan memberi kesan pada tembikar Terenang.

MASA DEPAN TEMBIKAR TERENANG SEBAGAI KHAZANAH NEGERI

Kelestarian tembikar ini tidak boleh bergantung kepada satu pihak sahaja, jika kita ingin terus melihat tembikar ini kekal sebagai satu khazanah warisan yang terpelihara, kita seharusnya bersama-sama menjaga dan menghidupkan kembali dengan terus menghasilkan tembikar walaupun perlu ada transformasi pembuatan dari kaedah tradisional kepada kaedah acuan asalkan ia terus kekal dan diterima baik oleh masyarakat. Kajian tentang keindahan tembikar Melayu tradisional dari Kampung Pasir Durian ini adalah sesuatu yang mengangkat lagi martabat dan kepentingan tembikar tradisional di Malaysia. Walaupun perkembangan tentang tembikar tradisional di Kuala Tembeling agak kurang memberangsangkan, namun nilai keindahan dan estetika yang ada pada tembikar tersebut masih lagi dipandang tinggi oleh masyarakat. Ini memberikan suatu petunjuk bahawa perlu dilakukan sesuatu oleh pihak yang berkaitan untuk memupuk dan melestarikan kesenian warisan ini agar terus terpelihara dan dikagumi oleh masyarakat.

KESIMPULAN

Penghasilan sesuatu hasil seni di sesebuah kawasan akan menjadikan kawasan tersebut diingati dengan produknya. Sebagai contoh apabila di sebut labu Sayong, orang akan dapat membayangkan tempat dan negeri Perak. Begitu juga hasil tekstil seperti batik dan songket yang mengingatkan kita kepada negeri Terengganu dan Kelantan. Tapi jika di sebut terenang, orang akan tertanya-tanya di manakah asalnya terenang ini. Oleh yang demikian, untuk tidak menenggelamkan terus hasil produk ini, pembuat tembikar seperti di Sayong, Johor, Mambong dan sebagainya perlu di dedahkan dengan tembikar ini. Secara tidak langsung ia turut mempromosikan hasil kesenian tembikar tempatan tetapi tidak sehingga melupakan tempat asalnya. Pihak Kraftangan Malaysia perlu mengambil inisiatif dan memberikan latihan tunjuk cara kepada pengusaha tembikar di tempat lain yang berminat menjadikan tembikar terenang atau belanga Tembeling sebahagian dari hasil produk mereka.

Kajian tentang estetika dan keindahan tembikar Melayu Kampung Pasir Durian ini telah berjaya membawa satu lagi kesenian warisan hasil tanah kepada pentingnya memelihara warisan bangsa dan menjaga kelangsungan supaya kekal bertahan. Tembikar hasil dari negeri Pahang ini telah menjadi sebahagian daripada kesenian tembikar lain dan setanding berdiri sama kerana kekuatan aspek estetikanya dan juga rekabentuknya yang masih dikagumi sehingga kini. Penampilannya sentiasa membawa tanggapan positif kepada para penghayatnya kerana ia bukan sahaja dikagumi dengan rupa bentuk luarannya, malah aspek falsafahnya juga memberi tarikan yang tersendiri.

Proses pembuatannya masih melalui fasa penghasilan yang konvensional, namun tarikan konvensional itu menyebabkan beberapa jenis tembikar di Kampung Pasir Durian kekal

bertahan. Pencinta seni pada hari ini bijak menilai warisan yang dihargai dan ini terus memberi nilai tambah kepada tembikar tradisional tersebut.

Satu kaedah yang amat bertepatan untuk mengekalkan kelangsungan tembikar di kampung Pasir Durian ini adalah dengan turut menyertai transformasi pembuatan dari kaedah tradisional buatan tangan kepada kaedah acuan. Walau pun ada yang menyatakan bahawa tindakan mengacu labu atau tembikar tradisional akan menyebabkan kehilangan nilai estetika labu dan tembikar, tetapi proses mengacu ini telah menyelamatkan tembikar tersebut daripada pupus.

Proses ini yang berjaya mengurangkan kos pengeluaran dan dapat di hasilkan dalam masa yang singkat. Ini terbukti pada apa yang berlaku kepada pengusaha labu di Sayong dan Pulau Tiga di Perak. Hampir keseluruhan pengusaha di sini telah meninggalkan cara pembuatan tradisional dan beralih kepada teknik acuan. Telah dibuktikan oleh beberapa penyelidik yang lalu, bahawa transformasi pembuatan ini tidak merosakkan atau menghilangkan nilai estetika sama ada proses pembuatan mahupun motif yang menghilangkan identiti asal labu tanah buatan kepada labu acuan. Transformasi ini adalah sesuatu yang positif yang membawa kepada kebaikan kepada tembikar tradisional untuk terus kekal bertahan.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Jalil, Oskar Hasdinor Hassan, Norhidayah Md Zainuddin, Hamdzun Haron. (2012). Alternative techniques of blackening labu sayong. *Jurnal Teknologi*. Johor: Penerbit UTM.

Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman & Tarmiji Masron. (2010). Warisan tembikar labu sayong di Kuala Kangsar, Perak. *Sejarah, perkembangan dan masa depan*. Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation. Bangi: UKM.

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Enoch, O. F. (2012). The act of mass production in Kelantan traditional pottery, Malaysia. *The International Institute for Science, Technology and Education (IISTE)*. 3: 18-26.

Glosari Budaya Malaysia: Seni Tembikar. (1992): Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamdzun Harun, Narimah Abd. Mutalib. (2012). Aspek estetika labu acu malim. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Bangi: UKM.

Hamdzun Harun, Narimah Abd. Mutalib. (2013). Technology and production process of Malay traditional heritage pottery in Malaysia. *Jurnal Teknologi*. Bangi: UKM.

Hamdzun Haron, Nor Afian Yusof, Liza Marziana Mohammad Noh, Narimah Abd Mutalib. (2013). Technology and production process of Malay traditional heritage pottery. *Jurnal Teknologi*. 20: hlm 85-88.

Hamdzun Haron. (2013). Akal rekaan pandai seni warisan Melayu. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).

Mohd Kamaruzaman A. Rahman. (1997). Hoabinh di Pahang dalam pembangunan arkeologi pelancongan Negeri Pahang. Pekan Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

H. N. Evans. (1922). The potting industry at Kuala Tembeling. *F.M.S* 9(4), 259-262.

Ibrahim Darus, Shahaimi Abdul Manaf. (2005). Tembikar tradisional. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Nurul Izzah Mohd Johari. (2011). Seni tembikar tradisional Terengganu Pahang tradisi dan perubahannya. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Salwa Ayob. (2011). Kesenambungan perubahan pemerian jasad dan rupa tembikar pra sejarah kepada tembikar tradisi Melayu. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Syed Ahmad Jamal. (1997). Rupa dan jiwa. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Tjetjep Rohendi Rohidi, Abdul Halim Husain. (2015). Metodologi penyelidikan seni. Tanjong Malim: Penerbitan Malim Sarjana.

Tajul Shuhaizam Said, Harozila Ramli, Mohd Fauzi Sedon. (2011). Local genius of mambong pottery in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(21): 147-155.

Zahirah Harun, Nor Nazida Awang, Hamidi Abdul Hadi dan Asyaari Muhammad. (2015). The characterization of Kuala Tembeling Clay Pottery: Form and Cultural Function.

Zahirah Harun. (2016). Keindahan tembikar Melayu tradisional Kampung Pasir Durian. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Zainal Zakaria, Oskar Hasdinor Hassan. (2006). Pembangunan jasad terracotta bagi pengusahaan seramik di negeri Pahang. Selangor: UiTM.

Zainal Arifin Ahmad, Abdul Rashid Jamaludin, Muhammad Azwadi Sulaiman. (2014). Seni tembikar. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Zakaria Ali. (1989). Seni dan seniman esei-esei seni halus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.